

13 NOV 2001

Mahathir-Kuasa

M'SIA ANTARA SEGELINTIR NEGARA YANG MAMPU KRITIK KUASA DUNIA

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat negara ini harus bersyukur kerana Malaysia ialah antara hanya beberapa negara yang mampu mengkritik kuasa-kuasa besar di dunia.

"Kenapa kita mampu? Kerana kita belajar bagaimana mengurus negara supaya kita tidak terhutang dengan sesiapa dan dengan itu tidak ada sesiapa yang boleh kilas tangan kita," katanya semasa merasmikan Konvensyen Perdana Guru Cemerlang 2001 di sini hari ini.

Dengan keupayaan itu juga, kata Perdana Menteri, tiada siapa boleh memaksa Malaysia supaya tidak bersikap sedemikian atau mereka tidak akan memberi hutang.

Setakat ini, Malaysia telah berjaya dengan keupayaannya itu tetapi banyak lagi yang perlu dilakukan.

"Perjuangan kita belum selesai," katanya.

Sambil menekankan pentingnya peranan guru dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata beliau menaruh harapan kepada guru-guru yang cemerlang supaya membangun kaum dan bangsa supaya tidak dipandang rendah atau hina tetapi duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa lain di dunia.

Sambil merujuk kepada apa yang berlaku di Afghanistan sekarang, beliau berkata tidak banyak yang boleh dilakukan oleh masyarakat Islam, yang mungkin hanya boleh menangis, meratap, membuat memorandum atau tunjuk perasaaan menentang serangan yang dilakukan oleh Amerika.

"Namun, semua ini tidak berkesan kerana mereka adalah dalam golongan yang lemah," katanya.

Perdana Menteri berkata guru-guru harus ingat bahawa tanggungjawab mereka bukan sahaja untuk hari ini atau untuk diri sendiri tetapi untuk masa depan dan juga untuk kaum, bangsa dan agama.

-- BERNAMA

SHO HS MAI